

ANTIFUNGAL SOLUTION

Tolnaftate (1% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Antifungal Solution.
2. Bagaimana Antifungal Solution berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Antifungal Solution.
4. Cara menggunakan Antifungal Solution.
5. Semasa menggunakan Antifungal Solution.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Antifungal Solution.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Antifungal Solution

Antifungal Solution digunakan bagi merawat jangkitan kulat pada kulit seperti kurap badan, gatal-gatal pada pangkal paha, kurap pada tangan, janggut dan misai, dan kaki makan air.

Bagaimana Antifungal Solution berfungsi

Antifungal Solution mengandungi bahan aktif Tolnaftate. Tolnaftate mempunyai aktiviti spektrum yang luas untuk merawat kulit yang dijangkiti kulat.

Sebelum menggunakan Antifungal Solution

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Antifungal Solution jika:

- Anda alergi atau hipersensitif pada tolinaftate atau bahan-bahan lain.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

-Sebelum menggunakan Antifungal Solution

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada ubat-ubatan, makanan dan pewarna.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Ia mungkin selamat bagi anda untuk mengguna Antifungal Solution dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Antifungal Solution

-Berapa banyak harus digunakan

Untuk penggunaan luar sahaja. Sebelum menggunakan Antifungal Solution, bersihkan dan keringkan kawasan yang dijangkiti terlebih dahulu. Gunakan satu hingga tiga titik di kawasan yang dijangkiti.

-Bila perlu digunakan

Untuk digunakan dua kali sehari. Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengguna Antifungal Solution mengikut keadaan anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Guna selama 2-6 minggu sehingga semua luka telah hilang. Panjangkan tempoh rawatan untuk 10 hari lagi untuk mencegah sakit berulang. Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda. Rujuk doktor jika tiada penambahbaikan.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan

hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Antifungal Solution

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Antifungal Solution.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Antifungal Solution dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Rawatan harus dihentikan jika terdapat tanda-tanda hipersensitif atau sekiranya keadaan bertambah buruk.
- Penggunaan Antifungal Solution pada bayi secara berterusan haruslah dihindarkan.
- Elakkan terkena pada mata.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Antifungal Solution boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Ruam kulit dan gatal-gatal.

ANTIFUNGAL SOLUTION

Tolnaftate (1% w/v)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Nombor siri
NPRA(R4/1)130218/00044

Cara penyimpanan dan pelupusan Antifungal Solution

-Penyimpanan

Jauhkan Antifungal Solution dari jangkauan kanak-kanak
Simpan di tempat dingin dan sejuk, di bawah suhu 25°C. Pastikan bekas tertutup rapat.

-Pelupusan

Jangan guna Antifungal Solution yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.
Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Antifungal Solution merupakan larutan tidak berwarna hingga kekuningan.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif:
Tolnaftate

- Bahan Tidak Aktif:
PEG-400 dan Methylparaben.

-Nombor MAL

MAL20001064X

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

13/02/2018